

Solat (Sembahyang)

sambungan Qalam Bilangan 200:

Untuk menyambung bahasan mengenai dengan hukum-hukum sembahyang, maka di bawah ini kita bentangkan beberapa hadith mengenai orang-orang yang tidak berkewajipan mendirikan sembahyang lima waktu. Kemudian akan dihidangkan pula beberapa hadith tentang hukum orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja.

(Oleh: Haji Menora Khalil)

Hadith yang keenam:

An ‘Ā’ishata raḍiya Allāhu ‘anhā al-Nabiyy ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam qālā: rufi‘a al-qalamu ‘an thalātah: ‘an al-nā’imi ḥatta yastayqīza, wa al-ṣabiy ḥatta yaḥtalim, wa ‘an al-majnūni ḥatta ya‘qul.’

Ertinya: Dari Aisyah (R.A), dari Nabi (S.A.W) bersabda: “Diangkat qalam (kewajipan) dari tiga orang. Dari orang yang tidur sehingga ia terjaga; dari kanak-kanak kecil sehingga ia bermimpi (baligh); dan dari orang gila sehingga ia berakal (sembuh dari gilanya).”

Hadith yang ketujuh:

‘An ‘Alī raḍiya Allāhu ‘anhi qāla: sami ‘tu Rasulu Allāhi ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam yaqūlu: rufi‘a al-qalamu ‘ani thalātin: ‘an al-ṣaghīr ḥatta yastayqīza wa ‘an al-maṣīb ḥatta yukṣhafa ‘anhu.

Ertinya: Dari Ali (R.A) ia berkata: Aku pernah mendengar Rasul Allah (S.A.W) bersabda: “Diangkat qalam dari tiga orang. Dari anak kecil sehingga ia dewasa; dari orang-orang tidur sehingga ia terjaga dan

dari orang yang terganggu fikirannya hingga dilenyapkan daripadanya.”

Perawi Hadith:

Hadith nombor 6 diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, al-Tirmidhi, al-Nasa’i, Ibnu Majah, Ibn Hibban dan al-Hakim hadith nombor 7 diriwayatkan oleh Ahmad, al-Nasa’i, al-Dar Qahtani, al-Tirmidhi, Ibn Hibban, Ibn Khuzaimah dan al-Hakim.

Kandungan hadith

Dua hadith yang tersebut di atas mengandungi keterangan bahawa orang-orang yang sedang tidur, orang-orang yang tidak sempurna akal fikirannya (gila) dan anak-anak kecil yang belum baligh, tidaklah ditanggungkan ke atas mereka beban yang berupa kewajipan sembahyang lima waktu, mereka masing-masing tidaklah diwajibkan mengerjakannya.

Pendapat para ulamak fiqah:

Para ulama ahli ijthad telah sepakat mengatakan, bahawa kewajipan sembahyang tidak diberatkan ke atas anak-anak yang belum baligh, kerana mereka

tidak ada taklif untuk mengerjakan sesuatu kewajipan atau meninggalkannya. Dan mereka pun sepakat pula mengatakan, bahawa orang yang gila dan orang yang sedang tidur, tidak ada kewajipan bagi mereka untuk mengerjakan sembahyang lima waktu; tetapi mereka berselisih pendapat tentang orang yang pengsan.

Imam Abu Hanifah berpendapat: Bahawa orang-orang yang pengsan itu manakala mereka telah sembuh dari pengsannya wajiblah bagi mereka mengqada segala sembahyang yang mereka tinggalkan selama sehari semalam (lima waktu); dan tidak wajib mereka mengqada sembahyang yang mereka tinggalkan jika lebih dari sehari semalam disebabkan oleh pengsan itu.

Imam Malik dan Imam Shafi’i berpendapat dan menetapkan: Bahawa orang-orang yang pengsan itu tidak wajib mereka mengqada sembahyang yang mereka tinggalkan selama ia pengsan dengan itlak (meskipun masa ia pengsan itu hanya satu waktu sahaja).

Imam Ahmad Ibn Hambal pula berpendapat dan menetapkan: Bahawa pengsan itu tidak menghalangi atau

tidak menggugurkan kewajipan mengqada' sembahyang yang ditinggalkan dalam masa seseorang itu pengsan.

Tegasnya beliau mewajibkan qada' di atas segala sembahyang yang ditinggalkan dengan sebab pengsan itu.

Ibn Hazam lain pula pendapatnya: Ia mengatakan bahawa orang gila dan orang pengsan tidak wajib mengqada' sembahyang yang mereka tinggalkan selama mereka masih gila atau masih dalam keadaan pengsan kecuali orang gila yang sembuh atau orang pengsan yang sedar sebelum keluar waktu.

Menurut riwayat dari Ibn Huzaimah; bahawa Ammar bin Yasir, Atta' Mujahid, Ibrahim al-Nakha'i, Hamad bin Abi Sulaiman dan Qatadah berpendapat: bahawa orang-orang yang pengsan itu wajib mengqadakan' kesemua sembahyang yang mereka tinggalkan dalam masa mereka pengsan itu.

Hadith yang kelapan:

“An Jābir qāla: qāla Rasulu Allāhi shallā Allāhu ‘alayhi wa sallam: bayna al-rajulu wa bayna al-kufri tarku al-ṣalāti”

“Ertinya: Dari Jabar (R.A) ia berkata: Rasulullah (S.A.W) pernah bersabda: “Antara seorang lelaki dan antara kufur ialah meninggalkan sembahyang.” (Hadith diriwayatkan oleh: Ahmad dan Muslim).

Hadith yang kesembilan:

“Buraydah qāla: sami‘tu Rasulu Allāhi shallā Allāhu ‘alayhi wa sallam yaqūlu: al-‘ahdu baynanā wa baynakum al-ṣalātu, fa man tarakhā faqad kadara”

Ertinya: Dari Buraidah (R.A) ia berkata: Saya pernah mendengar Rasul Allah (S.A.W) bersabda: “Perjanjian yang di antara kami dan di antara kamu ialah sembahyang. Maka barang siapa meninggalkannya, maka sungguh ia kafir.”

(Hadith diriwayatkan oleh: Ahmad, Abu Daud, al-Tirmizi, al-Nasa'i Ibn Majah Ibn Hibban dan al-Hakim).

Hadith yang kesepuluh:

“An ‘Abdi Allāh bin Shaqīq al-‘Aqīlī qāla: kāna aṣḥābu Rasūlu Allāhi shallā Allāhu ‘alayhi wa sallam lā yarawna shay‘ān min al-a‘māli tarkuhu kufrun ghayra al-ṣalāh”

Ertinya: Dari Abdullah bin Shaqīq al-‘Aqīlī ia berkata: Adalah para sahabat Rasulullah (S.A.W) tidak memandang (tidak menganggap) sesuatu dari amal yang ditinggalkannya menjadi kufur, melainkan sembahyang” (Hadith diriwayatkan oleh: al-Tirmizi).

Hadith yang kesebelas:

“An ‘Abdi Allāh bin ‘Amru bin al-‘Āṣ ‘an al-Nabiy shallā Allāhu ‘alayhi wa sallam: annahu zakara al-ṣalāta yawmān fa qāla: man ḥāfaza ‘alayhā kānat lahu nūrān wa burhānān wa najātan yawma al-qiyāmati, wa man lam yuḥafiz ‘alayhā lam yakun lahu nūrān wa lā burhānān wa lā najāh, wa kāna yawma al-qiyāmati ma‘a qarūna wa fir‘awna wa hāmāna wa ubayyi bin khalaf

Ertinya: Dari Abdullah bin Amru al-‘Āṣ (R.A) dari Nabi (S.A.W), bahawasanya baginda menyebutkan tentang sembahyang pada suatu hari, lalu baginda bersabda:”Barang siapa yang memelihara akan sembahyang itu baginya

cahaya yang menerangi jalan dan tanda bukti kukuh dan keselamatan – dari segala mara bahaya – pada hari kiamat; dan barang siapa yang tidak memelihara akan sembahyangnya, maka tiadalah baginya cahaya, dan tidak pula tanda bukti dan tidak pula keselamatan, dan kelak pada pada hari kiamat ia adalah bersama-sama Qarun, Firaun, Haman dan wa Ubay bin Khalaf.” (Hadith diriwayatkan oleh: Ahmad dan al-Hadrami).

Hadith yang ke dua belas:


“An Thaubān raḥīya Allāhu ‘anhu qāla: sami‘tu Rasūlu Allāhi shallā Allāhu ‘alayhi wa sallam ya qūlu: bayna al-‘abdi wa bayna al-kufri wa al-īmāni al-ṣalātu, fa idhā tarakahā faqad ashrak”.

Ertinya: Dari Thawban (R.A) ia berkata: Saya pernah mendengar Rasul Allah (S.A.W) bersabda:” Antara seorang hamba dan antara kufur dan iman ialah sembahyang. Maka apabila ia meninggalkannya, sesungguhnya ia telah syirik.” Hadith diriwayatkan oleh habb Allāh al-Saburi)

Kandungan hadith:

Hadith nombor 8, mengandungi keterangan, bahawa perbezaan antara seorang yang beriman dan yang kufur itu ialah dengan meninggalkan sembahyang. Tegasnya seseorang yang meninggalkan sembahyang itu membawakan dirinya tercebur ke dalam jurang kekufuran.

Hadith nombor 9, mengandungi keterangan, bahawa perbatasan yang memperbezakan antara kaum Muslim dengan kaum kafirin itu ialah sembahyang oleh sebab itu menurut nas dari



Para jema'ah hakim yang mengadakan pertandingan membaca al-Qur'an peringkat antarabangsa yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ramadān yang lalu.

hadith di atas tiap-tiap orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja itu menjadi kufur.

Hadith nombor 10, menerangkan, bahawa sekalian para sahabat Nabi (S.A.W) memandang kufur terhadap orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja.

Hadith nombor 11, mengandungi keterangan, bahawa orang-orang yang meninggalkan sembahyang lantaran terpedaya oleh kekayaan harta benda, atau dilalaikan oleh kekuasaan, atau dilekakan oleh kemewahan hidup di dunia, maka baginya tidak akan mempunyai cahaya keimanan yang akan menerangi jalannya yang gelap-gelita itu, dan ia tidak akan mempunyai tanda bukti yang kukuh kuat guna untuk menolak segala bahaya

dan ia tidak akan mempunyai daya kekuatan yang akan dapat melepaskan dirinya dari azab seksaan api neraka di hari akhirat, dan pada hari kiamat nanti akan dikumpulkan bersama-sama dengan Qarun, Firaun, Haman dan Abi bin Khalaf, iaitu para musuh-musuh Allah yang terkenal di dalam sejarah Islam.

Ada pun hadith nombor 12, mengandungi keterangan, bahawa yang memperbezakan antara seorang hamba yang kufur dengan hamba yang beriman itu ialah sembahyang. Tegasnya barang siapa yang meninggalkan sembahyang itu dengan sengaja maka kufurlah ia.

Pendapat Para Ulama Fiqah:

Meskipun demikian tentang

menghukumkan kufur terhadap orang-orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja itu para ulama ahli ijihad agak berselisih pendapat di antara satu sama lain. Segala keterangan lengkap dan huraian yang agak panjang lebar mengenai perkara tersebut, *In Sha Allah* akan kami bentangkan dengan jelas di dalam keluaran yang akan datang.

(bersambung)

Kata-kata Hikmah

Putus persahabatan dengan si jahil, menyamai terhubungnya persahabatan dengan orang yang berakal.

* * *

Barang siapa banyak bantuannya, tentang nescaya sedikit musuhnya.